



**BULETIN**

# UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Bil.3 Mac 2022 | ISSN 2232-0415



www.uthm.edu.my



## UTHM bangukan kit pengesanan kebakaran hutan tanah gambut

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

EXCELLENT



UTHM Johor



subscribe

UTHM TV



Global Technopreneur  
University 2030



**BULETIN**  
**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## ISI KANDUNGAN

- 1 UTHM bangun kit pegasan kebakaran hutan tanah gambut
- 2 UTHM bawa pulang dua anugerah di Low Carbon Cities 2030 Challenge
- 3 MGA RPD Challenge 2021: Pensyarah Geomatik UTHM raih Anugerah Spesense Sonny
- 4 Dua penuntut UTHM raih anugerah di Pertandingan Tesis Sumber Air 2022
- 5 STU UTHM sumbang kepakaran di Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia
- 6 UTHM dan RHB Bank bekerjasama laksana inisiatif Kad Prihatin Siswa
- 7 UTHM tubuh Metro System Academy, perkasa bidang teknologi dan kejuruteraan pengangkutan rel
- 10 Terbitan Terkini

## REDAKSI

### PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Raja Zuraidah Raja Mohd Rasi

### EDITOR

Nor Azezee Ahmad

### PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

### FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak  
Jaafar Muhammad

### GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

### PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

### PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

### PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat  
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my



TARIKH  
DATE 260322

## UTHM bangunkan kit pengesanan kebakaran hutan tanah gambut



Usaha gigih pasukan penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) membuahkan hasil apabila buat pertama kalinya berjaya membangunkan kit pengesanan kebakaran hutan tanah gambut yang dinamakan SMORTEC (Pemantauan Pengesanan Asap Pintar).

Menurut salah seorang penyelidik, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, inovasi yang dihasilkan ini adalah rentetan pengesanan kebakaran awal hutan tanah gambut di Hutan Simpan Ayer Hitam Muar, Johor.

"Ia selaras dengan polisi pelan tindakan di dalam dasar perhutanan Malaysia yang dilancarkan pada 31 Mac 2021 yang menekankan pentingnya usaha mengawal kebakaran hutan bagi mengekalkan dan meningkatkan keluasan kawasan hutan dan liputan pokok.

"Inisiatif yang dijalankan ini menggunakan kit pengesanan awal

kebakaran yang mengaplikasikan teknologi Internet of Things (IoT) dan merupakan salah-satu bidang kepakaran sedia ada di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, UTHM," katanya.

SMORTEC dilengkapi dengan teknologi IoT yang menggunakan tenaga solar dan beberapa unit penerima yang berupaya mengesan kehadiran asap, mengukur kepanasan dan kekeringan kawasan tanah gambut secara masa nyata.

Sistem ini dibangunkan bertujuan membantu pihak berwajib memantau kebakaran hutan dengan lebih berkesan dan bersistematik sekali gus dapat mengelak kelewatan bantuan daripada pihak berkuasa.

Antara ciri SMORTEC termasuklah menggunakan teknologi IR4.0, berteknologi hijau, penggunaan kuasa, data dan kos penyelenggaraan yang rendah,

kebolehpercayaan yang tinggi, liputan tanpa had dan mematuhi piawaian industri.

SMORTEC dipasang di tiga lokasi pilihan termasuk di Parit Lajis, Parit Kelantan dan Hutan Simpan Tambahan. Pemilihan tempat ini dibuat berdasarkan kawasan yang paling berisiko terjadinya kebakaran hutan.

Majlis perasmian pemasangan SMORTEC telah diadakan pada 15 Februari 2022 bersempena mesyuarat khas pengarah-pengarah perhutanan negeri semenanjung Malaysia.

Turut hadir ke majlis tersebut, Pengarah Perhutanan Negeri Johor, Dato' Haji Salim Aman dan Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki Mustafa.

## UTHM bawa pulang dua anugerah di Low Carbon Cities 2030 Challenge



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih anugerah 'Diamond Recognition Kategori Zon' setelah menyertai Low Carbon Cities 2030 Challenge (LCC 2030C) anjuran Malaysian Green Technology and Climate Change Centre di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Manakala Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) pula berjaya meraih anugerah 'Diamond Recognition Kategori Rakan Kongsi.'

Pengiktirafan LCC 2030C ini adalah berdasarkan lima elemen utama iaitu tenaga, sisa, air, pengangkutan dan landskap serta berpandukan kriteria Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon atau Low Carbon Cities Framework (LCCF).

Pengarah Pejabat Kampus Lestari (SCO), Profesor Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir berkata SCO bertanggungjawab dalam menguruskan penyertaan LCC 2030C bagi kategori Zon di peringkat UTHM dan Ts. Dr. Mohd Fahmy Abdullah mengetuai

kategori Rakan Kongsi mewakili FPTP

Menurut beliau, pihak SCO telah menjalankan proses pengumpulan data dari semua pihak yang terlibat bermula pada Mac 2021 lagi.

"Dokumen lengkap telah diserahkan kepada pihak MGTC pada 28 Oktober 2021 lalu," katanya.

Manakala sesi audit pelaporan karbon bagi Kategori Zon UTHM pula telah diadakan pada 19 Januari 2022.

FPTP turut diaudit pada sesi tersebut bagi kategori Rakan Kongsi dan pada hari yang sama juga pihak audit mengadakan lawatan tapak sekitar UTHM.

Hasil daripada sesi audit tersebut, UTHM dan FPTP berjaya menggondol dua anugerah tersebut walaupun ini merupakan penyertaan kali pertama bagi UTHM dan kali kedua bagi FPTP.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man hadir menyempurnakan


majlis berkenaan sekali gus menyampaikan anugerah kepada pihak yang berjaya.

"Terima kasih diucapkan kepada Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan (PPP), Jawatankuasa Sustainable Champion Team (SCT), Jawatankuasa Sustainable Energy Champion Team (SECT), Penyelaras Data Hijau PTj dan semua pihak yang terlibat dalam proses pengumpulan data hijau dan penyediaan laporan bagi penganugerahan tersebut.

"Kejayaan ini sekali gus membuktikan sokongan dan komitmen warga UTHM terhadap pelbagai inisiatif rendah karbon yang menyumbang kepada pengurangan gas rumah kaca.

"Pengiktirafan ini juga mencerminkan pembudayaan amalan kelestarian di kampus yang semakin baik," kata Dr. Aeslina.

# MGA RPD Challenge 2021: Pensyarah Geomatik UTHM raih Anugerah Spesense Sonny



**S**ekumpulan penyelidik yang diketuai oleh Sr Ts. Dr. Nazirah Mohamad Abdullah berjaya memenangi Anugerah Spesense Sonny ketika menyertai pertandingan Multi-GNS Asia Rapid Prototype Development Challenge 2021 (MGA RPD Challenge 2021).

Anugerah yang diperolehi itu hasil daripada penyertaan projek 'Monitoring Elephant Behavior During Disaster Using Geomatics Technology.'

Projek ini merupakan salah satu usaha pasukan penyelidik geran Pembangunan Rangka Kerja Penghasilan Laluan Semula Gajah Taman Negara Rompin dalam merealisasikan hasil kajian tersebut.

Pertandingan antarabangsa yang bermula pada Ogos 2021 sehingga 11 Mac 2022 kali ini bertemakan "Penyelesaian untuk Pengurusan Bencana :Tsunami / Banjir."

Sepanjang tempoh itu para peserta pertandingan diberikan pelbagai tugas untuk dilaksanakan.

Menurut Dr. Nazirah, kumpulan beliau menyertai pertandingan

tersebut pada mulanya sekadar ingin menimba ilmu, pengalaman serta teknologi baharu daripada pihak penganjur yang sememangnya sangat terkenal dalam bidang Global Navigations Satellite System (GNSS).

Tambah beliau, cabaran Pembangunan Prototaip Pantas (RPD) ialah Hackathon kerja tangan yang mana pasukan perlu mencipta prototaip dengan sumber dan masa yang terhad.

"Pakar yang dilantik oleh pihak penganjur bertindak sebagai mentor yang akan memberi bimbingan serta galakan kepada peserta untuk menghasilkan prototaip yang berinovasi dengan kaedah penyelesaian kreatif bagi menangani isu kehidupan," katanya lagi.

Pertandingan antarabangsa yang julung kali disertai oleh wakil daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ini terbuka kepada industri, institusi serta pertubuhan bukan kerajaan.

Daripada 37 kumpulan yang menyertai pertandingan berkenaan, hanya 12 kumpulan

sahaja berjaya ke peringkat akhir.

Keputusannya, lima prototaip telah terpilih untuk meraih Anugerah Spesense Sonny daripada Sony Group.

"Kami sangat bersyukur kerana prototaip yang dihasilkan ini berjaya menarik perhatian para panel.

"Ini kerana pasukan ini menjadi kumpulan tunggal yang menentang isu menyelamatkan hidupan liar berbanding peserta lain yang hanya mengfokuskan isu menyelamatkan manusia ketika tsunami atau banjir.

"Anugerah ini menjadi satu pengalaman yang sangat berharga kepada saya dan rakan-rakan yang pada mulanya hanya sekadar mahu mencuba dan menimba ilmu baharu," katanya.

## Dua penuntut UTHM raih anugerah di Pertandingan Tesis Sumber Air 2022



Dua penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih anugerah emas dan perak bagi Anugerah Tesis Terbaik sempena sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Taman Awam Bera, Pahang pada 26 Mac 2022.

Mohamad Aiman Afiq Amran, penuntut tahun empat dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan di bawah penyeliaan Dr. Mimi Suliza Muhamad dan penyelia bersama Ts. Mohd Sufyan Abdullah telah berjaya meraih anugerah emas bagi Pertandingan Tesis Sumber Air 2022 yang bertemakan "Air bawah tanah-memperlihatkan yang tidak kelihatan" bagi kategori sarjana muda.

Anugerah emas bagi tesis bertajuk "Filtration Process with Tilapia Fish Scale Macrocomposite Adsorbent for Groundwater Treatment" melayakkan Aiman membawa pulang cek bernilai RM750 bersama sijil anugerah emas yang telah disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.

Sementara itu, UTHM juga turut memenangi anugerah perak kategori sarjana melalui penuntut Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, Mahad Ahmed Kadiye dengan tesisnya yang bertajuk "Correlation Analysis on Clayey Soil Layer Effect Groundwater Quality in UTHM, Parit Raja, Johor" di bawah seliaan Ts. Dr. Sabariah Musa.

Mahad membawa pulang cek berjumlah RM600 bersama sijil anugerah perak.

Pihak universiti berharap kejayaan ini mampu menjadi inspirasi dan motivasi kepada pelajar lain untuk terus mencipta kecemerlangan sepanjang bergelar penuntut UTHM.

Anugerah emas bagi tesis bertajuk "Filtration Process with Tilapia Fish Scale Macrocomposite Adsorbent for Groundwater Treatment" melayakkan Aiman membawa pulang cek bernilai RM750 bersama sijil anugerah emas yang telah disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.

## STU UTHM sumbang kepakaran di Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia



Syarikat Terbitan Universiti (STU), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) turut sama menyumbang kepakaran untuk pembangunan Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia di Pusat Komuniti Desa (PKD) Layang-Layang, Kluang, Johor.

Ruang reka yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri II Kementerian Pembangunan Luar Bandar, YB Haji Hasbi Haji Habibollah pada 9 Mac ini diwujudkan sebagai sebuah fasiliti yang menyediakan platform hab reka cipta, teknologi dan inovasi kepada komuniti.

Pelaksanaan Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia ini bertujuan untuk membudayakan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) dalam membantu meningkatkan kemahiran penciptaan inovasi berkualiti dalam kalangan masyarakat.

Muhammad Shukri Ahmad, salah seorang teknousahawan UTHM

telah menyumbang kepakaran beliau di dalam program peningkatan inovasi masyarakat setempat tersebut.

Shukri dengan kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah menjalankan empat modul aktiviti iaitu rekabentuk 3D, robotik, dron dan studio digital.

Dengan adanya ruang reka ini, ia dapat memberi peluang kepada masyarakat setempat berkumpul dan berinovasi dengan menggunakan teknologi sedia ada seperti pencetak 3D, robotik, dron dan lain-lain peralatan secara praktikal, sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan, produktiviti serta ekonomi komuniti setempat melalui olahan idea dan kreativiti yang dapat dipasarkan.

Sementara itu, YB Hasbi mewakili kementerian turut merakamkan penghargaan kepada pihak UTHM di atas sumbangan yang diberikan dan berharap kerjasama

yang terjalin akan berterusan selepas ini.

UTHM turut menyumbang set robotik dan buku panduan *programming* kepada ruang reka berkenaan bernilai RM1000 sebagai galakan kepada golongan muda setempat untuk terus menerapkan budaya berinovasi.



## UTHM dan RHB Bank bekerjasama laksana inisiatif Kad Prihatin Siswa



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menerima kunjungan delegasi dari RHB Bank Berhad cawangan Johor pada 22 Mac 2022 lalu bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama berkaitan kad prihatin siswa.

Satu sesi suai kenal telah diadakan dalam satu majlis ringkas berkonsepkan 'ramah mesra' yang diadakan di Aras 5, Perpustakaan Tun Tun Aminah, kampus induk.

UTHM bekerjasama dengan RHB Bank setelah diperaku sebagai rakan strategik oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi pelaksanaan inisiatif Kad Prihatin Siswa.

Untuk rekod, inisiatif pembangunan Kad Prihatin Siswa merupakan antara 11 usul yang dikemukakan oleh perwakilan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) kepada Perdana Menteri hasil pertemuan yang berlangsung pada 30 Jun 2020.

Majlis Ramah Mesra tersebut dihadiri oleh Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly, Naib Canselor UTHM; Profesor Madya Sr Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni); Norzaimi Hamisan, Bendahari serta Jawatankuasa Kad Prihatin Siswa peringkat UTHM.

Manakala pihak RHB pula diwakili oleh Mohd Farid Kamarudin, *Managing Director, RHB Islamic Asset Management*; Hj. Ali Mohamed, *Regional Director, RHB Bank, Southern Region*; Hj. Razali Hj. Mohd Noh, *Head, Islamic Business Development, RHB Islamic Bank*; pengurus cawangan yang berdekatan serta pasukan RHB yang terlibat.

Pada pertemuan itu, Datuk Wahid mewakili UTHM berbesar hati dengan kerjasama yang terjalin ini dan berharap inisiatif tersebut akan memberi manfaat kepada pelajar.

## UTHM tubuh Metro System Academy, perkasa bidang teknologi dan kejuruteraan pengangkutan rel



Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly menyampaikan watakah pelantikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Metro System Academy (MSA) UTHM, Ir. Ts. Shamrul-Mar Shamsuddin.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah bekerjasama dengan MRT Corp menubuhkan *Metro System Academy* (MSA) UTHM di Depoh KVMRT Sungai Buloh setelah memeterai Memorandum Persetujuan (MoA) pada 23 Disember 2021 lalu.

Kerjasama strategik ini menjadi satu tanggungjawab kepada UTHM dalam membangunkan sumber manusia yang berkualiti dan mampan selaras dengan hasrat universiti ke arah *Global Technopreneur University 2030* (GTU 2030).

MSA akan mengguna pakai kemudahan MRT Corp yang bersesuaian seperti Galeri dan Station Prototypes, Pusat Latihan / KVMRT Training Centre dan Project Site Office (PSO) di Sungai Buloh bagi menyokong objektif

penubuhan akademi berkenaan.

Fungsi utama MSA UTHM adalah membantu universiti dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sama ada program teras dan bukan teras (*Core & Non-Core*) di peringkat pascasiswazah yang menfokuskan kepada bidang teknologi dan kejuruteraan pengangkutan rel.

Di samping itu, MSA UTHM akan menjadi salah satu platform bagi melaksanakan Program *Work Based Learning* (WBL) yang akan dilaksanakan setiap tahun selama dua semester (10 bulan).

Selain itu, program bukan teras juga akan dilaksanakan termasuklah kursus jangka pendek, kursus vokasional, program jarak jauh dan program-program lain yang ditawarkan oleh mana-mana fakulti berdasarkan keperluan semasa.

MSA UTHM juga berperanan menyediakan latihan dan kemahiran yang berkaitan dengan ekosistem industri pengangkutan termasuklah pembangunan kursus baru, kursus meningkatkan kemahiran (*up skill courses*), sijil profesional dan persidangan antarabangsa dengan kerjasama pemegang taruh (CIDB, MRT, APEL, MOT, ICOE-KPT, NRCOE, MBOT) mengikut keperluan semasa.

Pembangunan sumber manusia (profesional staff dan kebolehpasaran graduan) juga merupakan faktor penting dalam kewujudan MSA UTHM.

Pembangunan profesional dalam bidang pengangkutan rel dan bidang yang berkaitan melalui pendedahan kepada dunia industri pengangkutan rel yang sebenar akan dilaksanakan dan seterusnya



menggalakkan mobiliti staf melalui sangkutan industri.

Kerjasama ini juga akan dapat membantu memberi banyak pilihan peluang pekerjaan kepada para graduan seterusnya meningkatkan kebolehpasaran graduan universiti.

Melalui kerjasama ini, pelajar akan mendapatkan manfaat langsung kerana program kerjasama dengan industri rel banyak ditujukan untuk pengembangan kemahiran sumber manusia dalam industri pengangkutan rel

termasuklah menjalani latihan industri di tempat yang sesuai sekali gus dapat membangunkan modal insan yang holistik.

Kewujudan MSA UTHM adalah selaras dengan aspirasi UTHM sebagai sebuah institusi pendidikan berasaskan latihan (UTHM Edu-Train) yang dapat menghasilkan para graduan yang lebih berkualiti untuk memenuhi keperluan tenaga manusia yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tinggi di dalam dan luar negara.

Malah penubuhan MSA UTHM ini tepat pada masanya apabila projek MRT Jajaran 3 diteruskan oleh pihak kerajaan dalam jangka masa yang terdekat.

Kerjasama strategik antara UTHM dan MRT Corp. ini mampu meningkatkan kredibiliti universiti di samping menyumbang kepada masyarakat yang lebih maju dan moden melalui pelaksanaan program yang telah dirancang dan ditetapkan.



YBhg. Dato' Sri Haji Ibrahim bin Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly Naib Canselor UTHM dan delegasi UTHM dan MRT Corp. dalam sesi Lawatan Teknikal ke KVMRT Sungai Buloh baru-baru ini



# IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PENGKOMPUTERAN MULTIMEDIA) DENGAN KEPUJIAN (BIM)

#JOM  
MASUK  
FSKTM

## SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

## KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

\*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

## PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



**PEMBANGUN PERMAINAN  
(GAMES DEVELOPER)**

**PEMBANGUN KANDUNGAN  
MULTIMEDIA**

**PENGURUS PROJEK  
MULTIMEDIA**

**PEMBANGUN MEDIA  
INTERAKTIF**

**PEREKA WEB**



## KELEBIHAN PROGAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan multimedia dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.

UNTUK MAKLUMAT  
LANJUT SILA IMBAS  
QR CODE



SCAN ME




Fakulti Sains Komputer &  
Teknologi Maklumat  
Universiti Tun Hussein Onn  
Malaysia,  
86400, Parit Raja, Batu Pahat,  
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601  
FAX: +(607) 453 6023  
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

# Terbitan Terkini




## HOW MALAYSIAN NEWSPAPERS REPRODUCE ISLAMOPHOBIA

Mohd Nazri Latiff Azmi, Isyaku Hassan, Mohammad Talha Mohamed Idris

e-978-967-2817-70-3

RM 19.00

The media are blamed for using biased language to stigmatize Muslims. Many people believe that the media's negative portrayal of Islam is one of the most socially prevalent and significant sources of Islamophobia. This book explores how Islamophobia is reproduced in selected Malaysian newspapers from a framing perspective. Framing theory considers meaning as existing particularly in the media messages. It focuses on the influence of news viewpoints used by journalists on the audiences. The Star and New Straits Times were chosen for analysis. It was discovered that the newspapers tend to reproduce Islamophobia through the use of conflict frames, negative tone, use of photos, and sensational language. Further analysis showed that the western media's negative content influences how newspapers report Islam in Malaysia. Journalist's perception, corporate ownership of the media, editorial policies, government regulations, and lack of proper training amongst journalists influences news reporting of Islam. The spread of Islamophobia can be minimized through the collective effort of journalists, editors, corporate ownership of the media, and by being conflict-sensitive and restrictive to the actors.



## THE CRISIS OF CLIMATE CHANGE : IMPACT ON CALAMITIES IN MALAYSIA

Siti Nazahiyah Rahmat, Nurul Nadrah Aqilah Tukimat

e-978-967-2817-69-7

RM 18.00

Climate change is emerging as a global phenomenon. Much research has been devoted to study the consequences on a wide range of human and environmental systems. In Malaysia, more intense and frequent extreme events are expected due to extreme climate change. The Crisis of Climate Change: Impact on Calamities in Malaysia offers an insightful look at climate variability, floods, and droughts despite no previous understanding of climate processes. It also presents a basic definition of weather calamities that can help general readers better understand the causes of climate variability and the consequences. The book contains four chapters related to climate change. It collects the latest information and findings of possible future climate based on case studies that have been carried out in some parts of Pahang and Johor, Malaysia. The impact of climate change on the implementation of rainwater harvesting (RWH) as one of the adaptation measures is also discussed. Future climate should be considered in the design and planning of the RWH system so that the system can sustainably meet stormwater management requirements. The most important thing is that the impacts of climate change need to be studied at the regional or local scale to improve planning and management for a climate-resilient future.

# Terbitan Terkini



## REVOLUSI INDUSTRI

Suhaizal Hashim, Nurhanim Saadah Abdullah, Usuloudin Hamzah

e- 978-967-2817-77-2

RM 19.00


Terhasilnya buku ini adalah atas hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai revolusi industri terkini yang pesat berkembang mengikut peredaran masa. Seajar dengan kehendak pendidikan abad 21, atas kesedaran bahawa masih ramai lagi antara kita masih kurang cakna tentang proses yang sedang pesat berlangsung ini. Dengan adanya transformasi sebegini, proses pertumbuhan ekonomi menjadi lebih kuat dan menghasilkan tahap produksi lebih tinggi.

Buku ini disusun dalam beberapa bab meliputi beberapa topik dalam perkembangan Revolusi Industri di negara-negara maju dan tidak ketinggalan juga perkembangannya di Malaysia. Selain itu, pecahan dalam elemen-elemen revolusi industri ini juga telah dihuraikan untuk memudahkan lagi kefahaman pembaca dalam menghayati dan memahami proses-proses tersebut. Setiap elemen revolusi industri yang dibincangkan ini disertakan dengan sokongan beberapa kajian yang telah dijalankan serta contoh dari persepsi penulis sendiri untuk memudahkan kefahaman kepada pembaca.



# UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



# GTU2030

Global Technopreneur University 2030